



Rujukan Kami: JANM.500-4/6/2 JLD.4 (|)
Tarikh : 13 Februari 2025

Ketua Setiausaha Kementerian

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/ Negeri/ Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN PENOLONG AKAUNTAN (PELBAGAI GRED) DAN PEMBANTU AKAUNTAN (PELBAGAI GRED) DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

Dengan segala hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) ini akan melaksanakan Urusan Pemangkuhan jawatan Penolong Akauntan (Pelbagai Gred) dan Pembantu Akauntan (Pelbagai Gred) seperti berikut:

- 2.1 Urusan Pemangkuhan Penolong Akauntan W6 ke W7;
 - 2.1.1 Telah dinaikkan pangkat ke gred W6 pada **1 Ogos 2012** sehingga **31 Disember 2014**
- 2.2 Urusan Pemangkuhan Penolong Akauntan W5 ke W6;
 - 2.2.1 Telah dilantik pada **1 Ogos 2012** sehingga **31 Disember 2013**
- 2.3 Urusan Pemangkuhan Pembantu Akauntan W2 ke W3;
 - 2.3.1 Telah dinaikkan pangkat ke gred W2 pada **1 Ogos 2012** sehingga **31 Disember 2015**
- 2.4 Urusan Pemangkuhan Pembantu Akauntan W1 ke W2;
 - 2.4.1 Telah dilantik pada **1 Ogos 2012** sehingga **31 Mei 2016**

- 2.5 Urusan Pemangkuan Penolong Akauntan W6 ke W7 (Khas) bagi penempatan di **Sri Aman, Sarawak**;
- 2.5.1 Telah dinaikkan pangkat ke gred W6 pada **1 Ogos 2012 sehingga 31 Disember 2016**
- 2.6 Urusan Pemangkuan Penolong Akauntan W5 ke W6 (Khas) bagi penempatan di **Raub, Pahang dan Tanjung Manis (Mukah), Sarawak**;
- 2.6.1 Telah dilantik ke gred W5 pada **1 Ogos 2012 sehingga 31 Julai 2016**
- 2.6.2 Bagi Penolong Akauntan (KUP) **lantikan pada 1 Julai 2016**, tertakluk kepada tarikh lantikan asal sebagai Pembantu Akauntan/ Pembantu Tadbir (Kewangan) pada atau sebelum **31 Disember 2010**;
- 2.7 Urusan Pemangkuan Pembantu Akauntan W3 ke W4 (Khas) bagi penempatan di **Sabak Bernam, Selangor**;
- 2.7.1 Telah dinaikkan pangkat ke gred W3 pada **1 Ogos 2012 sehingga 31 Julai 2016**
- 2.8 Urusan Pemangkuan Pembantu Akauntan W2 ke W3 (Khas) bagi penempatan di **Kuantan, Pahang dan Selangor**
- 2.8.1 Telah dinaikkan pangkat ke gred W2 pada **1 Ogos 2012 sehingga 31 Disember 2016**

3. Syarat-syarat Pemangkuan Jawatan Penolong Akauntan (Pelbagai Gred) dan Pembantu Akauntan (Pelbagai Gred) di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah seperti berikut:

- a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- b) Memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terkini (2022, 2023 dan 2024);
- c) Diperakukan oleh Ketua Jabatan ;
- d) Bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib;
- e) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- f) Kelulusan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) – Salinan hendaklah disertakan bersama-sama permohonan;
- g) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan (sertakan salinan penyata terkini pinjaman pendidikan bagi pegawai yang masih belum melunaskan pinjaman);
- h) Syarat – syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

4. Semua permohonan Pemangkuan perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem Pengurusan Kerjaya Jabatan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (iSPK-AG) melalui capaian

<https://ispk.anm.gov.my>. Pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan perlu melengkapkan permohonan pegawai dengan memuat naik maklumat dan dokumen-dokumen seperti berikut dalam Sistem iSPK-AG:

- 4.1 Satu (1) salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) pegawai yang telah dikemas kini;
- 4.2 Perakuan pengisytiharan harta;
- 4.3 Perakuan Tatatertib;
- 4.4 Perakuan Pinjaman Pendidikan ;
- 4.5 Salinan Kelulusan Tapisan Keutuhan SPRM; dan
- 4.6 Salinan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) bagi Tahun 2022, 2023 dan 2024.

5. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan Permohonan Urusan Pemangkuhan/ Kenaikan Pangkat melalui Modul Perkhidmatan iSPK-AG dan Manual Pengguna (Pegawai Skim Perakaunan dan Gunasama JANM) iSPK-AG melalui pautan : [KLIK DI SINI](#) untuk rujukan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan jua. Hanya calon-calon yang **bersedia dan sanggup untuk menerima ditukarkan ke tempat lain mengikut kekosongan sedia ada sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuhan ini**. Permohonan urusan pemangkuhan ini perlu dihantar melalui sistem iSPK-AG **sebelum atau pada 14 Mac 2025 (Jumaat)**.

6. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 3 sahaja yang disahkan di dalam sistem iSPK-AG**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses**.

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuhan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:


Bil.	Nama Pegawai	No. Telefon	E-mel @anm.gov.my
1.	Pn. Jesseca Anak Randi	03-88821094	jesseca.randi
2.	Pn. Dg Noor Syadhrina Binti Mohd Sidek	03-88821361	dgsyadhrina
3.	Pn. Nurul Asma Nordin	03-88821060	nurul.asma
4.	Pn. Ayuni binti Raanin	03-88821092	ayuni
5.	Pn. Puteri Nazatul Natrah Azizan	03-88821093	puteri.azizan

8. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



[FARA WAHEEDAH BINTI AHMAD]
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
b.p Akauntan Negara Malaysia
Tel. : 03-8882 1100
E-mel : waheedah@anm.gov.my

s.k

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia